

BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,  
JALAN CENDERASARI,  
50590 KUALA LUMPUR.

Bil. ( 86 ) dlm. KKM- 82/2/6

Tarikh: 24 hb. Jun, 1987.

Pengarah Hospital Besar,  
Kuala Lumpur.

Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan  
Negeri

.....  
Pengarah Perkhidmatan Perubatan  
Negeri Sabah/Sarawak.

Pengarah Institusi/Yayasan.

Datuk/Tuan/Puan,

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia  
Bil. 8 /1987

Keselamatan Pesakit-pesakit di Hospital-Hospital

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menentukan supaya keselamatan pesakit-pesakit di hospital-hospital sentiasa diawasi.

2. Adalah diperhatikan bahawa kejadian-kejadian yang tidak diinginkan telah berlaku di beberapa hospital seperti pesakit-pesakit berkelahi, hilang dari wad, membunuh diri dengan cara melompat dari wad-wad tinggi atau yang meninggal dunia dalam tandas tanpa pengetahuan dan sebagainya. Kejadian-kejadian seperti ini bukan sahaja memberi gambaran yang tidak baik kepada perkhidmatan yang disediakan di hospital-hospital tetapi juga mempunyai implikasi 'medico-legal'.

3. Perlu dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Kesihatan sentiasa mengambil berat terhadap keselamatan pesakit-pesakit yang dirawat di hospital-hospital. Dengan ini langkah-langkah yang sewajarnya hendaklah diambil supaya kejadian-kejadian seperti di atas dapat dihindarkan.

4. Pihak Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diminta mengambil langkah-langkah yang berikut:-

4.1. Semua pegawai dan kakitangan yang menjaga wad hendaklah sentiasa mengawasi gerak geri pesakit-pesakit dalam. Perhatian dan jagaan yang lebih rapi hendaklah ditumpukan kepada pesakit-pesakit yang tenat dan pesakit-pesakit jiwa, terutamanya yang mempunyai tanda-tanda mengancam dan berkemungkinan membunuh diri.


4.2. Keselamatan di kawasan-kawasan hospital mestilah diperketatkan dengan menempatkan jaga (atau security guard) ditempat-tempat strategik umpamanya, bilik-bilik utama, ruang-ruang utama dan tempat-tempat masuk

4.3. Mengatur rondaan jaga yang lebih kerap untuk menentukan yang orang-orang awam yang tidak mempunyai pas kebenaran tidak seharusnya dibenarkan merayau-rayau di wad, serambi-serambi wad ataupun di kawasan hospital.

5. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diminta membawa Pekeliling ke perhatian semua pegawai-pegawai yang berkenaan.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'



(TAN SRI DATUK (DR.) ABDUL KHALID BIN SAHAN)  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

s.k: YB Menteri Kesihatan  
YB Timbalan Menteri Kesihatan  
YB Setiausaha Parlimen  
Ketua Setiausaha  
Semua Ketua Bahagian  
/wh... Pegawai Kanan Perhubungan Awam